

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN CHA KEE CHIN (RASAH)

TARIKH : 07 OKTOBER 2019 (ISNIN)

SOALAN

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah impak ekonomi kepada Negeri Sembilan apabila jajaran baru projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) akan memasuki Negeri Sembilan dan kawasan di Negeri Sembilan yang akan dilalui oleh jajaran baru ini.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, jajaran baru Projek ECRL telah diperkenalkan setelah perlaksanaannya disambung semula oleh Kerajaan pada 12 April 2019 berikutan kejayaan merunding semula kos pembinaan projek dengan pihak Kerajaan Republik Rakyat China yang berhasil menurunkan kos sebanyak RM21.5 bilion.
2. Jajaran baru ini melibatkan Negeri Sembilan dan Wilayah Persekutuan Putrajaya yang dahulunya tidak termasuk di dalam jajaran asal ECRL. Penglibatan Negeri Sembilan di dalam jajaran ini termasuk pembinaan 2 buah stesen ECRL yang bakal memberi perkhidmatan penumpang dan kargo. Lokasi kedua-dua stesen dan jajaran ECRL di Negeri Sembilan akan dipamerkan kepada umum semasa Pemeriksaan Awam yang bakal dijalankan selama 3 bulan.

3. Kewujudan stesen penumpang ECRL di Negeri Sembilan bakal memberi kemudahan pengangkutan awam yang moden, efisien dan selamat yang menghubungkan negeri ini dengan negeri-negeri di Pantai Timur Malaysia. Perkhidmatan penumpang ECRL juga akan dihubungkan dengan hub pengangkutan di Putrajaya Sentral yang mempunyai stesen KLIA Express Rail Link (ERL) yang sedia ada serta stesen terminal MRT2 yang bakal siap pada tahun 2022.
4. Dengan adanya kemudahan baru ini, Kerajaan menjangkakan peningkatan pergerakan penumpang di antara Negeri Sembilan, Pantai Timur dan hubungan dengan KLIA. Kemudahan pergerakan penumpang akan memberi impak positif yang besar kepada sektor perniagaan, perumahan, industri dan terutamanya sektor pelancongan.
5. Projek ECRL juga akan menyediakan perkhidmatan kargo dan ini akan meningkatkan daya saing projek-projek pembangunan bersepadu di Negeri Sembilan seperti Malaysia Vision Valley 2.0 dan taman-taman perindustrian sedia ada di Negeri Sembilan. Perkhidmatan kargo ECRL juga akan berhubung secara langsung dengan Pelabuhan Klang dan Pelabuhan Kuantan dan ini memberikan lebih banyak pilihan kepada pemain industri di Negeri Sembilan yang berorientasikan eksport.
6. Hubungan di antara 2 pelabuhan ini juga dijangka membuka peluang untuk pembangunan hab-hab industri tambah nilai di sepanjang jajaran di antara Kuantan dan Lembah Klang. Kedudukan Negeri Sembilan dari segi geografi dan demografi adalah sangat sesuai bagi hab-hab industri baru untuk dibangunkan dan memanfaatkan perkhidmatan kargo ECRL.
7. Selain daripada itu, kehadiran projek mega seperti ECRL dapat menjadi pendorong kepada pembangunan pelancongan di Negeri Sembilan dan memberi sebab kukuh untuk kerajaan negeri merancang pembangunan biodiversiti di persekitarannya yang dikelilingi oleh flora dan fauna. Situasi ini menawarkan peluang untuk mewujudkan pelbagai jenis pembangunan berasaskan pelancongan seperti pembinaan hotel, inap desa dan restoran. Projek ECRL akan memberi akses lebih mudah kepada pelancong sama ada dari dalam atau luar negara untuk mengunjungi Negeri Sembilan.

Ia pastinya akan merencanakan sektor pelancongan negeri selari dengan sasaran kerajaan negeri untuk meningkatkan prestasi sektor pelancongan yang turut menyasarkan kehadiran lebih ramai pelancong.

8. Pelaksanaan projek ECRL dilihat mampu memberi manfaat secara langsung kepada rakyat terutamanya komuniti yang tinggal berdekatan dengan jajaran projek termasuklah para usahawan industri kecil dan sederhana serta kontraktor-kontraktor tempatan. Dari aspek sosio-ekonomi, projek nasional ini berkeupayaan membuka banyak peluang pekerjaan secara langsung dan tidak langsung kepada penduduk setempat. Hasil pendapatan para usahawan perniagaan industri kecil dan sederhana dalam sektor pemakanan, peruncitan dan pembuatan di kawasan yang terlibat juga dijangka akan melonjak naik. Begitu juga dengan produktiviti dalam sektor pembinaan, perhotelan, perdagangan dan industri logistik yang bakal menjana hasil pendapatan yang positif dan memberangsangkan.

Sekian, terima kasih.